

# EXFORGE HCT®

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

*amlodipine besylate/valsartan/hydrochlorothiazide*

Pil bersalut 5/160/12.5 mg, 10/160/12.5 mg, and 10/160/25mg

## Apa yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Exforge HCT
2. Bagaimana Exforge HCT berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan Exforge HCT
4. Cara menggunakan Exforge HCT
5. Semasa anda menggunakan Exforge HCT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Exforge HCT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Exforge HCT

Ubat anda dinamakan Exforge HCT dan boleh didapati dalam bentuk pil bersalut.

Exforge HCT mengandungi tiga ubat: *Amlodipine*, ubat yang tergolong dalam kelas antagonis (penentang) kalsium, *valsartan*, yang tergolong dalam kelas yang dinamakan antagonis reseptor angiotensin-II dan *hydrochlorothiazide*, iaitu sejenis diuretik yang tergolong dalam kelas *sulfonamide*. Ketiga-tiga ubat ini membantu mengawal tekanan darah tinggi dalam cara yang berbeza. Exforge HCT digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi pesakit yang tekanan darahnya tidak dikawal secukupnya dengan gabungan dua ubat penurun tekanan darah, atau untuk pesakit yang mengambil ubat antihipertensi berasingan yang ingin mengambil satu pil dengan ketiga-tiga komponen. Jika tekanan darah tinggi berterusan untuk tempoh yang lama, keadaan ini boleh merosakkan saluran darah otak, jantung, buah pinggang, dan boleh menyebabkan serangan angin ahmar, kegagalan jantung, kegagalan buah pinggang atau kerosakan retina mata. Tekanan darah tinggi meningkatkan risiko serangan jantung. Usaha menurunkan tekanan darah anda ke tahap normal mengurangkan risiko mengalami gangguan tersebut.

## Bagaimana Exforge HCT berfungsi

Exforge HCT mengandungi tiga jenis ubat: *Amlodipine* menyekat saluran kalsium dalam salur darah. Ini memberikan kesan yang mengendurkan salur darah. *Valsartan*

menyekat kesan angiotensin-II. Angiotensin-II ialah bahan yang dihasilkan oleh badan yang menyempitkan salur darah dan dengan itu meningkatkan tekanan darah. *Hydrochlorothiazide* mengurangkan jumlah garam dan air di dalam badan dengan meningkatkan aliran air kencing. Hasil daripada ketiga-tiga mekanisme ini, salur darah akan mengendur and tekanan darah dapat diturunkan.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang bagaimana Exforge HCT berfungsi atau mengapa anda diberikan preskripsi ubat ini.

## Sebelum anda menggunakan Exforge HCT

Patuhi semua arahan doktor dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat am di dalam risalah ini. Doktor anda mungkin perlu menguji darah anda sebelum dan pada masa tertentu sepanjang rawatan anda untuk memeriksa nilai kalium, magnesium, kalsium, natrium, glukosa, kolesterol, asid urik dan kiraan sel darah merah dan putih serta platelet. Doktor anda mungkin turut memantau fungsi buah pinggang anda.

### Bila anda tidak boleh menggunakannya

- Jika anda mengalami alahan (hipersensitif) terhadap *amlodipine*, *valsartan*, *hydrochlorothiazide* atau *sulfonamide* atau sebarang ramuan lain Exforge HCT yang disenaraikan pada akhir risalah ini
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil
- Jika anda tidak dapat menghasilkan air kencing
- Jika tahap gula dalam darah anda adalah tinggi dan anda menghidap diabetes jenis 2 (juga dinamakan kencing manis tidak bergantung kepada insulin) dan anda mengambil ubat untuk menurunkan tekanan darah dinamakan *aliskiren*

Jika mana-mana keadaan di atas berkenaan dengan anda, beritahu doktor tanpa mengambil Exforge HCT. Jika anda rasa anda mungkin mengalami alahan, minta nasihat doktor anda.

## **Wanita hamil dan yang menyusukan anak**

Jangan ambil Exforge HCT jika anda hamil atau merancang untuk hamil. Pengambilan semasa hamil boleh mendatangkan kemudaratan yang serius kepada bayi dalam kandungan. Oleh itu, anda perlu merujuk kepada doktor anda dengan serta-merta jika anda berpendapat bahawa anda mungkin hamil atau merancang untuk hamil. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai potensi risiko pengambilan Exforge HCT semasa hamil. Beritahu doktor jika anda menyusukan bayi. Rawatan dengan Exforge HCT tidak digalakkan semasa menyusukan anak.

### Sebelum anda mula menggunakannya **Peringatan & Pengawasan**

- Jika anda mengalami gangguan buah pinggang atau hati.
- Jika anda sudah mengambil diuretik (ubat untuk meningkatkan penghasilan air kencing anda).
- Jika anda demam, mengalami ruam muka, dan sakit sendi, yang mungkin merupakan tanda 'lupus eritematosus (atau sejarah penyakit ini)
- Jika anda menghidapi diabetes (paras gula tinggi di dalam darah)
- Jika anda telah diberitahu bahawa paras kolesterol atau trigliserida di dalam darah anda adalah tinggi.
- Jika anda telah diberitahu bahawa paras kalium atau magnesium di dalam darah anda adalah rendah (dengan atau tanpa gejala seperti kelemahan otot, kekejangan otot, ritma jantung tidak normal).
- Jika doktor anda memberitahu bahawa anda mempunyai paras natrium yang rendah di dalam darah (dengan atau tanpa gejala seperti keletihan, kekeliruan, sentakan otot, kekejangan).
- Jika anda telah diberitahu bahawa paras kalsium di dalam darah anda adalah tinggi (dengan atau tanpa gejala seperti loya, muntah, sembelit, sakit perut, kerap kencing, kehausan, kelemahan dan sentakan otot).
- Jika doktor anda telah memberitahu anda bahawa anda mempunyai paras asid urik yang tinggi di dalam darah.
- Jika anda mengalami alahan atau asma.

- Jika anda mengalami kerosakan fungsi buah pinggang atau penyempitan atau penyumbatan arteri yang membekalkan darah ke buah pinggang anda
- Jika anda mengalami beberapa kejadian muntah atau cirit-birit
- Jika anda mengambil ubat atau bahan lain, yang meningkatkan paras kalium di dalam darah anda (seperti diuretik tertentu, pemakanan tambahan kalium, dsb.)
- Jika anda menyusukan anak
- Jika doktor anda mengesahkan bahawa anda penyempitan injap pada jantung (dinamakan stenosis aorta atau mitral), atau ketebalan tidak normal pada otot jantung dengan penyempitan (dinamakan kardiomiopati hipertrofik obstruktif)
- Jika anda pernah mengalami bengkak terutamanya pada muka atau tekak semasa mengambil ubat lain (termasuk perencat ACE). Jika anda mengalami gejala tersebut, hentikan pengambilan Exforge HCT dan hubungi doktor anda serta-merta. Anda tidak patut mengambil Exforge HCT lagi.
- Jika anda mengalami kegagalan jantung atau serangan jantung. Ikuti arahan doktor untuk dos permulaan dengan teliti. Doktor anda mungkin juga memeriksa fungsi buah pinggang anda.
- Jika anda dirawat dengan perencat ACE atau *aliskiren*
- Jika anda menghadapi kanser kulit atau anda ada penumbuhan lesi kulit yang tidak dijangka semasa rawatan. Rawatan dengan *hydrochlorothiazide* yang berjangka panjang dan dos yang tinggi mungkin boleh meningkatkan risiko kanser kulit dan bibir (kanser bukan melanoma). Lindungi kulit anda daripada pendedahan matahari dan sinaran UV semasa mengambil Exforge HCT. Kulit anda perlu diperiksa dengan kerap untuk lesi baru and sila beritahu doktor anda mengenai sebarang lesi kulit yang tidak betul.
- Jika anda mengalami masalah pernafasan atau peparu (termasuk keradangan atau paru-paru berair) berikutan pengambilan *hydrochlorothiazide* pada masa dahulu. Jika anda mengalami sebarang sesak nafas yang teruk atau kesukaran bernafas selepas

mengambil Exforge HCT, dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Jika anda mengalami mana-mana keadaan ini, beritahu doktor anda sebelum anda mengambil Exforge HCT.

***Warga tua (berusia 65 tahun dan ke atas)***

Tiada dos khusus disyorkan untuk pesakit berumur 65 tahun dan ke atas.

***Kanak-kanak dan remaja***

Penggunaan Exforge HCT di kalangan kanak-kanak dan remaja tidak disyorkan.

***Jika mengambil ubat-ubat lain***

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Secara khusus ini termasuk:

- ubat penjimatan kalium, makanan tambahan kalium, atau pengganti garam yang mengandungi kalium. Doktor anda mungkin memeriksa jumlah kalium di dalam darah secara berkala,
- *amphotericin, penicillin G* (ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan)
- *carbenoxolone* (ubat yang digunakan untuk keradangan dan ulser esofagus)
- ubat yang digunakan untuk menurunkan tekanan darah seperti perencat ACE atau *aliskiren*
- litium, antidepresan (antimurung), antipsikotik, ubat yang digunakan untuk merawat sesetengah penyakit mental
- ubat antiepilepsi, seperti *carbamazepine* (ubat yang digunakan untuk merawat konvulsi)
- ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan atau keradangan, terutamanya ubat antiradang bukan steroid (NSAID) termasuk Perencat *Cyclooxygenase-2* Terpilih (Perencat Cox-2). Doktor anda mungkin juga akan memeriksa fungsi buah pinggang anda;
- ubat seperti kortison, steroid
- antiaritmia (ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung);
- *digoxin* atau *digitalis glycosides* lain (ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung);
- Ubat pengendur otot (ubat yang digunakan semasa pembedahan)
- *allopurinol* (ubat untuk merawat gout)

- *amantadine* (terapi anti-Parkinson, juga digunakan untuk merawat atau mencegah penyakit tertentu yang disebabkan virus)
  - ubat kanser tertentu
  - agen antikolinergik (ubat yang digunakan untuk merawat pelbagai gangguan seperti kekejangan gastrousus, spasma (kejang) pundi kencing, asma, mabuk gerak, spasma (kejang) otot, penyakit Parkinson dan sebagai bantuan kepada ubat bius)
  - *ciclosporin* (ubat yang digunakan dalam pembedahan pemindahan organ untuk mencegah penolakan organ atau keadaan lain, seperti artritis reumatoid atau dermatitis atopik)
  - insulin atau ubat antidiabetes yang diambil melalui mulut (ubat yang digunakan untuk merawat paras gula yang tinggi di dalam darah)
  - *cholestyramine, colestipol* atau resin lain (ubat yang digunakan terutamanya untuk merawat paras lipid yang tinggi di dalam darah)
  - vitamin D dan garam kalsium.
  - presor amina, seperti noradrenalina (bahan yang meningkatkan tekanan darah);
  - barbiturat, narkotik (ubat dengan ciri menggalakkan tidur) dan alkohol.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil ubat lain yang boleh mengubah jumlah *amlodipine* dalam badan, terutamanya:
- ubat yang digunakan untuk mencegah dan merawat jangkitan kulat (seperti *ketoconazole, itraconazole*)
  - ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan AIDS atau HIV (seperti ritonavir, indinavir)
  - ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria (seperti *clarithromycin, rifampicin*)
  - *Simvastatin*, (ubat yang digunakan untuk mengawal paras kolesterol darah yang meningkat)
  - Ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan (seperti *St. John's wort, hypericum perforatum*)
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil ubat lain yang boleh mengubah jumlah *valsartan* di dalam badan, terutamanya:
- Sesetengah antibiotik (kumpulan *rifamycin*), ubat yang digunakan untuk melindungi daripada penolakan

pemindahan organ (*ciclosporin*) atau ubat antiretroviral yang digunakan untuk merawat jangkitan HIV/AIDS (*ritonavir*). Ubat ini mungkin meningkatkan kesan *valsartan*.

### **Cara menggunakan Exforge HCT**

Ikut arahan doktor dengan teliti. Jangan ambil lebih daripada dos yang disyorkan.

Exforge HCT hanya untuk diambil melalui mulut. Exforge HCT boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Telan pil dengan segelas air.

#### Berapa banyak untuk digunakan

Doktor anda akan memberitahu berapa banyak pil Exforge HCT yang harus anda ambil.

Doktor anda mungkin mengesyorkan dos yang lebih tinggi atau lebih rendah bergantung kepada tindak balas anda kepada rawatan.

Dos yang disyorkan untuk Exforge HCT ialah satu pil bersalut sekali sehari.

#### Bila untuk mengambil Exforge HCT

Mengambil Exforge HCT pada masa yang sama setiap hari akan membantu anda mengingati masa untuk mengambil ubat anda.

#### Berapa lama untuk mengambil Exforge HCT

Teruskan pengambilan Exforge HCT seperti yang dicadangkan oleh doktor anda.

Jika anda mempunyai soalan mengenai tempoh pengambilan Exforge HCT, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

#### Jika anda terlupa untuk mengambil Exforge HCT

Anda dinasihatkan supaya mengambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari, sebaik-baiknya pada waktu pagi. Jika anda terlupa mengambil Exforge, ambil sejurus selepas anda ingat dan ambil dos seterusnya pada waktu biasa. Bagaimanapun, jika sudah hampir dengan masa untuk mengambil dos yang seterusnya, tinggalkan dos yang terlepas. Jangan ambil dua dos untuk menggantikan pil yang terlupa.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak pil Exforge HCT secara tidak sengaja, sila

dapatkan nasihat daripada doktor anda dengan segera.

### **Semasa menggunakan Exforge HCT**

#### Perkara yang perlu dilakukan

- Jika anda pita dan/atau pening kepala semasa menjalani rawatan dengan Exforge HCT
- Jika anda mengalami kemerosotan penglihatan atau sakit mata. Ini mungkin gejala peningkatan tekanan dalam mata anda dan boleh berlaku dalam masa beberapa jam hingga minggu selepas mengambil Exforge HCT. Jika tidak dirawat, keadaan ini boleh menyebabkan kerosakan mata yang kekal.

Jika anda mengalami mana-mana gejala tersebut, sila beritahu doktor anda dengan segera.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Menamatkan rawatan anda dengan Exforge HCT boleh menyebabkan penyakit anda bertambah teruk. Jangan berhenti mengambil ubat anda melainkan diarah oleh doktor anda.

#### Perkara yang perlu diambil perhatian Memandu kenderaan dan mengendali mesin

Sepertimana kebanyakan ubat lain yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, Exforge HCT mungkin menyebabkan anda pening dan menjejaskan keupayaan untuk memberi tumpuan. Oleh itu sebelum anda memandu kenderaan, mengendali mesin, atau menjalankan aktiviti lain yang memerlukan tumpuan, pastikan anda tahu bagaimana untuk memberi reaksi kepada kesan Exforge HCT.

### **Kesan-kesan Sampingan**

Seperti semua ubat, pesakit yang dirawat dengan Exforge HCT boleh mengalami kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

#### Amlodipine

Sesetengah kesan sampingan mungkin serius.

Jika anda mengalami: ruam kulit dengan atau tanpa masalah pernafasan (mungkin gejala tindak balas alahan); pendarahan atau lebam spontan (mungkin gejala trombositopenia); demam, sakit tekak atau ulser mulut disebabkan oleh jangkitan (mungkin gejala leukositopenia); rasa kebas atau menggelenyar dalam jari tangan dan kaki (mungkin gejala neuropati

periferi); degupan jantung tidak tetap (mungkin gejala pemfibrilan atrium); denyutan jantung perlahan (mungkin gejala bradikardia); sakit dada mendadak dan menyesak (mungkin gejala infarksi miokardium); ruam, bintik merah keunguan, demam, gatal (mungkin gejala vaskulitis); sakit bahagian atas perut yang teruk (mungkin gejala pankreatitis); kulit dan mata kuning, loya, hilang selera makan, air kencing berwarna gelap (mungkin gejala hepatitis); bengkak terutamanya pada muka dan tekak (mungkin gejala angioedema); ruam, kemerahan kulit, melepuh pada bibir, mata dan mulut, kulit mengelupas (mungkin gejala eritema multiforme); ruam, kemerahan kulit, melepuh pada bibir, mata dan mulut, kulit mengelupas, demam (mungkin gejala Sindrom Steven-Johnson)

Jika anda mengalami mana-mana satu daripada kesan sampingan ini, beritahu doktor anda serta-merta.

Sesetengah kesan sampingan adalah umum: Palpitasi (degupan jantung tidak normal); selaran panas (muka merah padam); sakit abdomen; loya; bengkak (edema); keletihan (kelesuan) Jika anda mengalami mana-mana kesan ini dengan teruk, segera beritahu doktor anda.

#### Valsartan

Sesetengah kesan sampingan mungkin serius (kekerapan tidak diketahui: kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang ada)

Anda boleh mengalami gejala angioedema (tindak balas alahan), seperti bengkak muka, lidah atau tekak; masalah menelan; geligata dan masalah pernafasan.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, beritahu doktor anda dengan serta-merta.

#### Hydrochlorothiazide

Sesetengah kesan sampingan mungkin serius.

Jika anda mengalami: ruam kulit dengan atau tanpa masalah pernafasan (mungkin gejala tindak balas hipersensitif); ruam muka, sakit sendi, gangguan otot, demam (mungkin gejala Lupus Eritematosus Sistemik); ruam, kulit kemerahan, melepuh pada bibir, mata atau mulut, kulit mengelupas, demam (mungkin gejala Nekrolisis Epidermis Toksik, eritema multiforme); ruam, bintik merah keunguan, demam,

gatal (mungkin gejala vaskulitis penekrosis); keletihan atau kelemahan luar biasa, spasma (kekejangan) otot, ritma jantung tidak normal (mungkin gejala hipokalemia); keletihan luar biasa, kekeliruan, sentakan atau kekejangan otot (mungkin gejala hiponatremia); kekeliruan, keletihan, sentakan dan kekejangan otot, pernafasan pantas (mungkin gejala alkalosis hipokloremik); gangguan gastrousus, seperti loya, muntah, sembelit, sakit perut, kerap buang air kecil, dahaga, kelemahan dan sentakan otot (mungkin gejala hiperkalsemia); sakit bahagian atas perut yang teruk (mungkin gejala pankreatitis); muntah atau cirit-birit yang teruk atau berulang; denyutan jantung tidak tetap (mungkin gejala aritmia); tompok ungu pada kulit (mungkin gejala trombositopenia, purpura); demam, sakit tekak, jangkitan lebih kerap (mungkin gejala agranulositosis); demam, sakit tekak atau ulser mulut disebabkan jangkitan (mungkin gejala leukopenia); kelemahan, bengkak dan jangkitan kerap (mungkin gejala pansitopenia, depresi sumsum tulang); kulit pucat, keletihan, sesak nafas, air kencing warna gelap (mungkin gejala anemia hemolitik); pengeluaran air kencing yang jauh lebih rendah (mungkin gejala gangguan ginjal atau kegagalan ginjal); pembentukan cecair yang tidak biasa dalam mata yang boleh mengakibatkan perubahan penglihatan (*choroidal effusion*), rabun dekat secara tiba-tiba, penglihatan kabur (*acute myopia*) peningkatan tekanan secara cepat dalam mata, sakit mata, jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kebutaan (mungkin gejala akut *angle-closure glaucoma*) dan kanser kulit dan bibir (kanser bukan melanoma- kemunculan tompok kulit yang tidak biasa dan tidak hilang selamanya (mungkin beringgauan ke bertahunan) atau tompok berkanser yang merah/ merah jambu dan teguh dan kadang-kadang menjadi ulser, tompok berkanser biasanya rata dan bersisik; selalunya bertumbuh atas kulit yang kerap terdedah kepada matahari seperti bahagian muka, telinga, tangan, bahu, dada dan belakang).  
Jika anda mengalami mana-mana daripadanya, beritahu doktor anda serta-merta.

**Kesan sampingan yang sangat umum**

- Paras lipid yang tinggi di dalam darah (hiperlipidemia)

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini dengan teruk, beritahu doktor anda.

**Kesan sampingan umum**

Paras magnesium yang rendah di dalam darah anda (hipomagnesemia); paras asid urik yang tinggi di dalam darah anda (hiperurisemia); ruam gatal atau bentuk ruam lain (urtikaria); selera makan yang berkurangan, loya yang ringan dan muntah; pening, pitam apabila berdiri (hipotensi ortostatik); kegagalan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi (mati pucuk).  
Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini dengan teruk, beritahu doktor anda.

**Kesan sampingan sangat jarang**

Gangguan pernafasan akut (tanda termasuk sesak nafas yang teruk, demam, lemah dan kekeliruan)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (Consumers → *Reporting side Effects to Medicines (ConSERF)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Exforge HCT**

**Penyimpanan**

- Jangan ambil selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.
- Simpan di dalam pembungkusan asal.
- Jauhkan dari kanak-kanak.
- Maklumat mungkin berbeza di sesetengah negara.
- Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.

**Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**Rupa dan warna Exforge HCT**

Exforge HCT dibekalkan sebagai pil bersalut dalam tiga kekuatan: 5/160/12.5 mg - 5 mg *Amlodipine* (dalam bentuk *Amlodipine besylate*), 160 mg *valsartan* dan 12.5 mg *hydrocholothiazide*, Pil bersalut

berwarna putih, berbentuk bujur dwicembung, tepi serong dan ditanda "NVR" pada satu permukaan dan "VCL" pada sebelah permukaan lain. 10/160/12.5 mg - 10 mg *Amlodipine* (dalam bentuk *Amlodipine besylate*), 160 mg *valsartan* dan 12.5 mg *hydrocholothiazide*, Pil bersalut berwarna kuning pucat, berbentuk bujur dwicembung, tepi serong dan ditanda "NVR" pada satu permukaan dan "VDL" pada sebelah permukaan lain. 10/160/25 mg - 10 mg *Amlodipine* (dalam bentuk *Amlodipine besylate*), 160 mg *valsartan* dan 25 mg *hydrocholothiazide*. Pil bersalut berwarna kuning-perang, berbentuk bujur dwicembung, tepi serong dan ditanda "NVR" pada satu permukaan dan "VHL" pada sebelah permukaan lain.

**Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif
  - Bahan aktif Exforge HCT ialah *Amlodipine besylate*, *valsartan* dan *hydrocholothiazide*.
- Bahan tidak aktif
  - Bahan lain ialah *cellulose microcrystalline*; *crospovidone*; *silica, colloidal anhydrous*; *magnesium stearate*; *hypromellose*, *macrogol 4000*, *talc*.

Exforge HCT 5/160/12.5 mg mengandungi tambahan titanium dioksida (E171).  
Exforge HCT 10/160/12.5 mg mengandungi tambahan titanium dioksida (E171), besi oksida, kuning (E172), besi oksida, merah (E172).  
Exforge HCT 10/160/25 mg mengandungi tambahan besi oksida, kuning (E172).

**Nombor MAL:**

Pil bersalut Exforge HCT 5/160/12.5mg: MAL15015052ARZ  
Pil bersalut Exforge HCT 10/160/12.5mg: MAL15015057ARZ  
Pil bersalut Exforge HCT 10/160/25mg: MAL15015058ARZ

**Pengilang**

Novartis Farma S.p.A. Via Provinciale Schito 131 80058 Torre Annunziata (NA), Italy.

**Pemegang Pendaftaran**

Novartis Corporation (Malaysia) Sdn.Bhd  
Level 18, Imazium,

No. 8, Jalan SS21/37,  
Damansara Uptown,  
47400 Petaling Jaya, Selangor

**Tarikh Kemas Kini**

13 May 2024 (Informasi dikeluarkan  
pada 10-Sep-2018)

**Nombor Siri:**

NPRA(R1/4)12082024/155